

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

JULAI - OGOS
BILANGAN 04/2022



BENGKEL PENGURUSAN TEKNIKAL BAGI PUSTAKAWAN (EDITOR JURNAL)

Bengkel
Pengurusan Teknikal
bagi Pustakawan (Editor Jurnal)

Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam.
16 Ogos 2022

SAMBUTAN DAN PAMERAN MINI
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN DAN
HARI MALAYSIA PERPUSTAKAAN
UNISEL

BENGKEL PENYUNTINGAN DAN
PERWASITAN NASKHAH PENERBITAN

BICARA PUSTAKAWAN:
PERANAN PERPUSTAKAAN DALAM
PEMBANGUNAN REPOSITORY INSTITUSI

Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran keempat pada tahun 2022 (Julai - Ogos 2022), Perpustakaan UNISEL telah membuat persiapan menyambut kedatangan bulan kemerdekaan dan turut menganjurkan Pameran Mini Kemerdekaan. Objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk memberi maklumat tentang sejarah Malaysia khususnya bermula pada detik kebangkitan, pra kemerdekaan serta era perkembangan nasionalisme sehingga saat kemerdekaan dicapai.

Perpustakaan UNISEL juga telah mengadakan Bengkel Pengurusan Teknikal bagi Pustakawan (Editor Jurnal). Objektif utama bengkel ini mengfokuskan kepada pengurusan Open Journal Systems (OJS) dikalangan Pustakawan.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL selaku sekretariat telah menganjurkan Bengkel Penyuntingan dan Perwasitan Naskhah Penerbitan bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka melibatkan editorial team dari 5 jurnal terbitan UNISEL

Akhir sekali, pihak **Buletin Perpustakaan UNISEL** mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha, semoga setiap pengorbanan kita di muka bumi ini demi sesuatu kebaikan akan mendapat redha Allah SWT.

Salam hormat,
ZAIRIL AZWAN OSMAN
Editor
zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Hafiz Abdul Rahim

EDITOR
Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK
Nur Suhiza Zainol

PENULIS & JURUFOTO
Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN
Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- Bengkel Pengurusan Teknikal bagi Pustakawan (Editor Jurnal) 1
- Sambutan dan Pameran Mini Sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia Perpustakaan UNISEL 2
- Bengkel Penyuntingan dan Perwasitan Naskhah Penerbitan 3
- BICARA PUSTAKAWAN: Peranan Perpustakaan dalam Pembangunan Repositori Institusi 4
- Program Literasi Maklumat 7
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL 10
- Album Pelawat & Lawatan 11
- Ulasan buku 13




BENGKEL PENGURUSAN TEKNIKAL BAGI PUSTAKAWAN (EDITOR JURNAL)

Pada 16 Ogos 2022, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan Bengkel Pengurusan Teknikal bagi Pustakawan (Editor Jurnal) bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Naib Presiden & Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri), Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak. Objektif utama bengkel ini mengfokuskan kepada pengurusan *Open Journal Systems* (OJS) dikalangan Pustakawan. Bengkel ini dikendalikan Prof Madya Dr Setyawan Widyarto, Dekan Pusat Pengajian Siswazah yang juga merupakan Ketua Editor Selangor Science & Technology Review (SeSTER).

Bengkel ini turut dihadiri oleh ketua-ketua editor yang lain iaitu Prof Dr Norhayah Zulkifli, Prof Madya Dr Astri Yulia dan Prof Madya Dr Fridelina Mohd Sjahrir. Semua Pustakawan kedua-dua kampus turut terlibat dalam bengkel ini.

Di dalam bengkel ini juga diperkenalkan Pustakawan yang bertanggungjawab untuk membantu dalam kerja-kerja teknikal OJS untuk setiap jurnal yang diterbitkan. Semoga selepas ini proses penerbitan jurnal UNISEL semakin lancar dari segi gerak kerjanya.





SAMBUTAN DAN PAMERAN MINI SEMPENA HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA PERPUSTAKAAN UNISEL

Rakyat Malaysia bakal menyambut Hari Kebangsaan yang Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 dan Hari Malaysia ke-59 tidak lama lagi. Bersempena sambutan hari kemerdekaan ini, Perpustakaan Universiti Selangor, Bestari Jaya telah membuat persiapan menyambut kedatangan bulan kemerdekaan. Jawatankuasa Program, telah mula memasang bendera di sekitar perkarangan di dalam perpustakaan. Antara bendera yang telah dipasang adalah bendera Malaysia, bendera Selangor dan bendera 13 buah negeri. Program sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia bermula dari 24 Ogos 2022 hingga 23 September 2022.

Bagi memperingati hari penuh bersejarah negara, Perpustakaan Universiti Selangor turut menganjurkan Pameran Mini Kemerdekaan yang bertempat di aras bawah Perpustakaan, Kampus Bestari Jaya.

Objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk memberi maklumat tentang sejarah Malaysia khususnya bermula pada detik kebangkitan, pra kemerdekaan serta era perkembangan nasionalisme sehinggalah saat kemerdekaan dicapai. Fakta-fakta dan teks sejarah ini juga menjadi lebih menarik dengan dihiasi gambar tokoh-tokoh pejuang dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di sepanjang perjalanan meniti kemerdekaan. Ini bukan sahaja membolehkan pembaca memahami mengenai kemerdekaan malah dapat menghayati serta melihat imbasan detik-detik bersejarah tersebut. Selain itu, pengguna perpustakaan juga berpeluang membaca buku-buku mengenai sejarah kemerdekaan yang turut dipamerkan di lokasi pameran.





BENGKEL PENYUNTINGAN DAN PERWASITAN NASKHAH PENERBITAN

Bengkel Penyuntingan dan Perwasitan Naskhah Penerbitan telah diadakan pada 5 hingga 7 Ogos 2022 bertempat di Holiday Inn, Melaka. Perpustakaan berperanan sebagai Sekretariat Jawatankuasa Penerbitan Jurnal UNISEL dalam menguruskan perjalanan bengkel ini. Prof. Dr Md Sidin bin Ahmad Ishak, Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor APJI selaku Ketua Jawatankuasa Penerbitan Jurnal UNISEL yang mengetuai bengkel ini telah menyampaikan ceramah dan juga memberi latihan kepada para peserta. Selain itu ceramah dan pengurusan teknikal atas talian disampaikan oleh Prof Madya Dr Setyawan Widyarto.

Terdapat 5 jurnal terbitan UNISEL yang terlibat dalam bengkel ini iaitu **Selangor Humaniora Review (SHARE)**, **Selangor Science & Technology Review (SeSTeR)**, **Selangor Business Review (SBR)**, **The Journal of Development Communication (JDC)** dan **ASEAN Journal of Life Sciences (AJLS)**.

Di dalam bengkel ini juga diberi pendedahan tentang kemahiran teknikal khususnya penggunaan *Online Journal Systems (OJS)* sebagai sistem pengurusan jurnal. Semoga selepas menyertai bengkel ini, staf akademik UNISEL dapat meningkatkan kualiti jurnal-jurnal UNISEL supaya lebih berimpak.



BICARA PUSTAKAWAN



PERANAN PERPUSTAKAAN DALAM PEMBANGUNAN REPOSITORY INSTITUSI

Perkembangan universiti yang pesat dan perubahan semasa serta persaingan bagi mendapatkan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa merupakan cabaran yang harus dihadapi oleh perpustakaan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan yang diberikan. Peranan perpustakaan kini bukan sahaja sebagai perpustakaan akademik yang membangun dan menguruskan koleksi dalam bentuk cetak sahaja tetapi juga perlu melangkah pantas ke arah sebuah perpustakaan digital yang menyediakan sistem rangkaian maklumat secara elektronik bagi memastikan perkhidmatan kepada pengguna dapat diberikan tanpa mengira ruang dan waktu.

Melalui penubuhan repositori institusi masalah penyusunan, penyimpanan, pengesanan dan penyebaran harta intelek institusi terutamanya yang tidak diterbitkan seperti tesis dan laporan akademik; atau grey literature seperti laporan teknikal, laporan makmal dan kertas kerja seminar akan dapat diatasi. Dengan adanya repositori digital, segala maklumat dan dokumen ini akan dapat dicapai semudah di hujung jari dan tanpa batasan masa. Penjimatan masa melalui capaian kepada sumber ilmu yang mudah dan tepat akan menjadi pemangkin kepada penjanaan dan penemuan ilmu baru dengan lebih pantas dan ekonomik.



Pihak perpustakaan perlu merancang, mengenalpasti dan menyediakan skop koleksi, standard yang akan digunakan bagi kandungan digital, kepakaran, platform dan perisian repositori serta lain-lain aspek pengurusan yang berkaitan agar penubuhan repositori ini dapat dilaksanakan. Beberapa langkah awal perlu teliti dan dikaji terlebih dahulu sebelum penubuhan sesuatu repositori dapat direalisasikan, antaranya:

Mengenalpasti, mengesan dan mengumpul

Seiring dengan pembangunan dan perkembangan universiti, perpustakaan perlu mengenalpasti individu yang banyak memberi sumbangan dan menghasilkan penerbitan ilmiah sepanjang tempoh mereka berada di universiti. Semua hasil penulisan dan penyelidikan sarjana ini hendaklah dijejaki dan dikumpulkan sesuai dengan peranan perpustakaan sebagai pusat pengumpulan sumber ilmu dan nadi universiti. Aktiviti pengesan boleh dilakukan melalui pangkalan data berpusat atau melalui paparan di laman web yang menyenaraikan nama-nama penyelidik dan bidang kepakaran masing-masing.

Merekod dan mengindeks

Hasil penulisan dan penyelidikan para sarjana ini perlu direkodkan secara sistematik, dengan standard dan spesifikasi tertentu agar ianya dapat dikumpul dan disusun sebeginu rupa bagi memudahkan urusan pengesan (traceability). Dalam bidang pengurusan maklumat, pustakawan dianggap sebagai golongan yang arif dengan penyusunan rekod dan maklumat bibliografik sesuatu bahan melalui aktiviti pengkatalogan dan pengindeksan, manakala bagi bahan dalam format digital, metadata berfungsi sebagai alat yang boleh mendeskripsikan bahan berkenaan, seterusnya membolehkan ianya dikesan oleh enjin carian (search engine) apabila pencarian dibuat melalui internet. Pihak perpustakaan boleh membuat penyusunan kandungan digital sama ada mengikut fakulti, jabatan, peristiwa dan perkara (subjek), kronologi (tahun) atau mengikut nama pengarang (author, creator). Pengindeksan dan pemberian metadata juga perlu mengikut standard antarabangsa bagi membolehkan pertukaran data dan capaian kandungan repository diperluaskan ke peringkat global.



Menyimpan dan memelihara

Lokasi simpanan dan storan kandungan digital perlu diberi perhatian bagi memastikan ia ditempatkan di lokasi yang sesuai dan selamat serta tidak mudah dicerobohi. Pihak perpustakaan perlu membuat pelan tindakan kecemasan menghadapi bencana (disaster recovery planning) bagi memastikan keselamatan repositori dan capaian kepadanya tidak terganggu.

Menyediakan platform dan mengadakan latihan

Terdapat pelbagai platform dan perisian berada di pasaran, sama ada secara percuma dan perlu mendaftar keahlian atau secara berbayar, antaranya DSpace, Eprints, Fedora, Greenstone. Walau bagaimanapun, perpustakaan perlu bijak dalam mengenalpasti dan memilih perisian dan platform yang sesuai, seiring dengan keperluan dan perkembangan teknologi semasa. Perkara ini perlu diberi perhatian serius agar di masa hadapan, segala aspek teknikal ini tidak menjadi halangan kepada akses repositori. Sekiranya gangguan akses berlaku, institusi akan menerima kesan negatif terutamanya dari para pengguna yang sering menjadikan kandungan repositori sebagai tempat rujukan dan dari para penyumbang kandungan. Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, kakitangan yang mengendalikan repositori perlu diberi bimbingan dan latihan dari semasa ke semasa bukan sahaja dalam bidang teknikal yang berkaitan dengan perisian dan perkakasan tetapi juga staf yang menguruskan aktiviti pengimbasan, penyediaan maklumat bibliografik dan metadata termasuk para penyelidik dan sarjana yang terlibat dengan self-archiving.



Menggalakkan akses terbuka dan menimbulkan kesedaran perkongsian sumber maklumat

Perpustakaan perlu meningkatkan kerjasama dengan pihak universiti dan fakulti bagi meyakinkan para sarjana mengenai faedah yang diperolehi melalui konsep akses terbuka dan perkongsian sumber ilmu yang banyak menyumbang kepada peningkatan impak ke atas penyelidikan. Perkongsian ini juga dapat mengurangkan beban kewangan perpustakaan di mana bahan rujukan tidak bergantung sepenuhnya kepada koleksi berbayar dan sumber kewangan sedia ada boleh digunakan untuk lain-lain perkara yang dapat menyumbang kepada kemajuan universiti.

Mengadakan promosi

Perpustakaan juga perlu mengenalpasti aktiviti promosi yang boleh dilakukan bagi meningkatkan visibiliti bukan sahaja perkhidmatan yang ditawarkan tetapi juga yang berkaitan dengan koleksinya termasuk yang dimuatkan dalam repositori. Tunjuk ajar dan latihan mengenai repositori kepada komuniti universiti dan pengguna perpustakaan dapat mendidik dan memberi kesedaran akan kewujudan sumber ini dan secara tidak langsung mereka juga digalakkan sebagai penyumbang kepada repositori di institusi sendiri.

Mengadakan promosi

Perpustakaan juga perlu mengenalpasti aktiviti promosi yang boleh dilakukan bagi meningkatkan visibiliti bukan sahaja perkhidmatan yang ditawarkan tetapi juga yang berkaitan dengan koleksinya termasuk yang dimuatkan dalam repositori. Tunjuk ajar dan latihan mengenai repositori kepada komuniti universiti dan pengguna perpustakaan dapat mendidik dan memberi kesedaran akan kewujudan sumber ini dan secara tidak langsung mereka juga digalakkan sebagai penyumbang kepada repositori di institusi sendiri.

Rujukan

Foster, N. F., & Gibbons, S. (2005). Understanding faculty to improve content recruitment for institutional repositories. *D-Lib Magazine*. Retrieved September 9, 2022, from <http://www.dlib.org/dlib/+january05/foster/01foster.html>.

Kasimun, S. (2010). Peranan Repozitori Institusi dan Perpustakaan dalam Meningkatkan Visibiliti Penyelidikan. *UM Research Repository*. Retrieved September 9, 2022, from <https://eprints.um.edu.my/9019/1/KA28%282%292010-A2.pdf>

Robinson, M. (2009). Promoting the visibility of educational research through an institutional repository. *Serials Review*, 35(3), 133-137.

Program Literasi Maklumat

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Webinar: Let's Explore Emerald

William Loh
Customer Success Partner
Emerald Publishing

- Learn to use Emerald platform
- Search, Advanced Search & Filter
- Inspired to be a reader and future researcher

▪ 19 July 2022 Tuesday ▪ 11:00 AM - 12:00 PM

eJournals - eBooks - eCases
e-Certificate of Attendance will be provided
Please contact library@unisel.edu.my for further enquiries

Jointly organized by **unisel library** **emerald PUBLISHING**

Register here <https://bit.ly/EmeUnisel2>

Limited to 100pax via Zoom

19 JULAI 2022

Program pendidikan pengguna Emeralds, " Let's Explore Emerald" telah dihadiri seramai 29 orang peserta terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program tersebut dikendalikan oleh Perpustakaan Universiti Selangor dengan kerjasama Emerald Publishing, wakil Emerald iaitu Encik William Loh selama 1 jam secara atas talian.

GALE unisel library unisel

Online Webinar
Date: 22nd July 2022
Time: 11am to 12pm
URL: <https://tinyurl.com/27uzmzh7>
(or scan the QR code)

Gale Academic OneFile
Streamlined discovery at your learner's fingertips

Sean Chia - Senior Sales Manager, Gale
Join Sean Chia, Senior Sales Manager at Gale, as he explores the Gale Academic OneFile platform. Learn how Gale Academic OneFile can help you to increase access to research and teaching resources for your students.

Gale Academic OneFile
Gale Academic OneFile is a powerful multidisciplinary resource that provides access to over 15,000 scholarly journals and other authoritative sources, including titles from 1900 to the present. It also offers comprehensive coverage of news and emerging news from 1900. It includes more than 70,000 peer-reviewed journals from more than 3,000 e-journals, and major reference sets including Gale Encyclopedia of Science and Gale Encyclopedia of World Biography.


Gale Academic OneFile
• Full text of The Times and Financial Times, and The Economic时报 from 1980 to the present, with no embargo.
• Over 100,000 full-text journal articles from 1900 to the present, updated daily.
• Over 100,000 abstracts from 1900 to the present.
• Over 100,000 complete books from 1900 to the present, allowing users to view and download.
• Gale Academic OneFile contains unique integrated databases such as Criminal Justice, Health, PK-12, Primary Health Care, and more.

This webinar is for the lecturer only.

22 JULAI 2022

Program pendidikan pengguna Gale, " Gale Academic Onefile Webinar" telah dihadiri seramai 14 orang peserta terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program tersebut dikendalikan oleh Perpustakaan Universiti Selangor dengan kerjasama Infomation Laboratory Sdn.Bhd, iaitu Encik Sean Chia, Pengurus Jualan Kanan yang berlangsung selama 1 jam secara atas talian.

Program Literasi Maklumat



17 OGOS 2022

Program pendidikan pengguna Webinar Emerald, "Let's Explore Emerald" part 2 telah dihadiri seramai 61 orang peserta terdiri daripada pensyarah dan pustakawan Universiti Selangor. Program ini dikendalikan oleh Perpustakaan Universiti Selangor dengan kerjasama Emerald Publishing, wakil Emerald iaitu Encik William Loh selama 1 jam secara atas talian.



25 OGOS 2022

Taklimat Perpustakaan kepada pelajar baharu bagi Program Minggu Tekad Siswa (MTS) Budiman Semester Ogos 2022 di Dewan Canselor, UNISEL Kampus Bestari Jaya. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Puan Nur Adna binti Roduan.

Program Literasi Maklumat



29 OGOS 2022

Taklimat Perpustakaan kepada pelajar baharu untuk Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FBA) bagi Semester Ogos 2022 di Dewan Pro Canselor, UNISEL Kampus Shah Alam. Seramai 280 orang pelajar baharu telah terlibat dengan taklimat ini. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pustakawan, Puan Khuzaimah binti Zakaria.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



08 OGOS 2022

Penyerahan hadiah kepada pemenang Emerald-UNISEL Online Quiz 2022 bagi kedua-dua kampus. Tahniah diucapkan kepada pemenang. Jutaan terima kasih diucapkan kepada lebih 200 pelajar yang turut serta dalam online quiz pada kali ini



Album Pelawat & Lawatan



10 OGOS 2022

Sesi pembentangan sistem pengurusan perpustakaan KOHA, DSpace & sistem perpustakaan NEXBIB oleh Cd Solution.

18 OGOS 2022

Kortext Knowledge Demonstration. Platform pembelajaran yang menyediakan pautan ebook, jurnal dan boleh diakses oleh pelajar, pensyarah & pustakawan. Pembentangan di sampaikan oleh Mr Matty Sowinski & Mdm. Soraya


Album Pelawat & Lawatan



29 OGOS 2022


Lawatan tapak Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil dan Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil yang diketuai Prof. Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman, Presidan & Naib Canselor. Turut serta dalam lawatan ini Pengarah COE, Pengarah JPP, Ketua Perpustakaan dan juga wakil COE, Perpustakaan UNISEL dan IDE.

Ulasan Buku



• Judul	Consumer Behaviour and Analytics
• Penulis	Andrew Smith
• ISBN	9780429489921
• No. Panggilan	HF5415.32 .S63 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3JIR9Ej
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	-

Consumer Behaviour and Analytics provides a consumer behaviour textbook for the new marketing reality. In a world of Big Data, machine learning and AI, this key text reviews the issues, research and concepts essential for navigating this new terrain. It demonstrates how we can use data-driven insight and merge this with insight from extant research to inform knowledge-driven decision making.




• Judul	Big Data: Conceptual Analysis and Applications
• Penulis	Michael Z. Zgurovsky & Yury P. Zaychenko
• ISBN	9783030142988
• No. Panggilan	QA76.9.B45 .Z48 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3w8XVro
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	-

The book is devoted to the analysis of big data in order to extract from these data hidden patterns necessary for making decisions about the rational behavior of complex systems with the different nature that generate this data. To solve these problems, a group of new methods and tools is used, based on the self-organization of computational processes, the use of crisp and fuzzy cluster analysis methods, hybrid neural-fuzzy networks, and others. The book solves various practical problems. In particular, for the tasks of 3D image recognition and automatic speech recognition large-scale neural networks with applications for Deep Learning systems were used. Application of hybrid neuro-fuzzy networks for analyzing stock markets was presented.



• Judul	Quantitative finance
• Penulis	Maria C. Mariani & Ionut Florescu
• ISBN	9781118629888
• No. Panggilan	HF5691 M37 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3zgfMyE
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	-

Presents a multitude of topics relevant to the quantitative finance community by combining the best of the theory with the usefulness of applications. Written by accomplished teachers and researchers in the field, this book presents quantitative finance theory through applications to specific practical problems and comes with accompanying coding techniques in R and MATLAB, and some generic pseudo-algorithms to modern finance. It also offers over 300 examples and exercises that are appropriate for the beginning student as well as the practitioner in the field



• Judul	Avoiding Data Pitfalls: How to Steer Clear of Common Blunders When Working with Data and Presenting Analysis and Visualizations
• Penulis	Ben Jones
• ISBN	9781119278177
• No. Panggilan	QA76.9.I52 J66 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3vDgkfZ
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	-


Avoiding Data Pitfalls is a reputation-saving handbook for those who work with data, designed to help you avoid the all-too-common blunders that occur in data analysis, visualization, and presentation. Plenty of data tools exist, along with plenty of books that tell you how to use them—but unless you truly understand how to work with data, each of these tools can ultimately mislead and cause costly mistakes. This book walks you step by step through the full data visualization process, from calculation and analysis through accurate, useful presentation. Common blunders are explored in depth to show you how they arise, how they have become so common, and how you can avoid them from the outset.

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

JULAI - OGOS
BILANGAN 04/2022



- **unisel library**
- If you have a question or
- Need help with your research or assignment or
- Want to keep up to date with latest news & updates ...

CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



sirkulasi@unisel.edu.my



Chat with a Librarian

03-32805081/5080 (BJ Campus)

03-55223565 (Customer Service, Shah Alam Campus)

03-55223596 (Reference Service, Shah Alam Campus)